



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5/5/2011



TUN Dr Mahathir (tiga dari kanan) memberi tepukan kepada pemenang hadiah utama pertandingan esei 2010, Eric Lee Vui Loong (tengah) dari Kolej Universiti HELP, semalam. Turut hadir Tun Dr Siti Hasmah (tiga dari kiri) dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kepemimpinan Perdana, Tan Sri Azman Hashim (dua dari kanan).

## Tindakan AS tak bertamadun: Dr M

**P**UTRAJAYA: Tindakan Amerika Syarikat (AS) menghantar tentera bagi memburu dan membunuh pemimpin al-Qaeda, Osama bin Laden bukan cara terbaik untuk menguatkuasakan undang-undang, kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sekiranya tentera AS mempunyai peluang untuk menangkapnya, maka mereka harus berbuat demikian bukan menyerbu dan membunuh Osama yang dilaporkan tidak bersenjata pada waktu itu.

Berikutan itu, Dr Mahathir

yang juga presiden merangkap Pengasas Yayasan Kepemimpinan Perdana, juga menyifatkan tindakan ketenteraan AS terhadap Osama adalah tidak beradab, walaupun lelaki itu dikatakan suspek penganas paling dikehendaki.

"Tindakan AS menghantar satu pasukan tentera untuk membunuh orang (Osama)

*"Ini bukan cara  
mengegang  
keganasan"*

*Tun Dr Mahathir  
Bekas PM*

bukan cara untuk menguatkuasakan undang-undang. Masuk ke tempat itu dengan dia (Osama) tanpa sebarang senjata. Kemudian, meletakkannya (mengebumikan) ke dalam laut, itu tindakan yang tidak bertamadun," katanya pada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan esei 'Nurturing The Minds Of Future Leader' anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana dan MPH Bookstore Sdn Bhd.

Hadir sama, isterinya yang juga Canselor Universiti Multimedia, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Mengulas lanjut, Mahathir berkata, perbuatan AS itu boleh mengundang kemarahan dan tindakan ganas daripada orang yang tidak bersetuju dengan operasi ketenteraan terhadap Osama.

"Ini bukan cara untuk mengekang keganasan. Malah, hal ini boleh mengakibatkan lebih banyak orang menjadi marah dan boleh mengakibatkan bertindak lebih keras.

"Walaupun dia (Osama) dibunuh, hasilnya mungkin menyebabkan ramai orang akan marah dan mengakibatkan lebih banyak tindakan ganas dilakukan," katanya.